

26 OCT 1999

PM-PERKONGSIAN PINTAR

BENTUK PERKONGSIAN PINTAR BAGI FAEDAH BERSAMA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa kedua-dua sektor swasta dan awam di Asia dan Afrika untuk membentuk perkongsian pintar bagi faedah bersama di atas asas satu perhubungan yang kukuh.

Beliau berkata negara-negara daripada kedua-dua rantau sudah terlalu lama mengamalkan sikap "Eurocentric", tidak menghiraukan antara satu sama lain dan di samping itu terus mengekalkan hubungan mereka dengan Eropah.

"Terdapat bidalan yang menyatakan '+cari kawan baru, tetapi jangan lupakan yang lama, seorang adalah perak manakala seorang lagi adalah emas+," katanya di ucapan pembukaan di Forum Perniagaan Asia-Afrika, di sini.

Dr Mahathir berkata apa yang pasti Afrika harus mencari rakan baru dengan menghala arah tujuan ke Timur dan Asia dan selanjutnya terus ke Timur atau ke Barat hingga ke benua Amerika.

"Dan sudah tentunya Afrika mesti mengekalkan rakan lamanya -- kerana diakui terdapat beberapa pihak daripada kalangan negara penjajah adalah sesuai dijadikan sebagai rakan.

"Bagaimanapun biarlah saya menukar bidalan lama itu dan menyarankan kepada rakan-rakan dari Afrika -- '+cari kawan baru dan kekalkan yang lama, tetapi pastikan anda tahu di mana terdapat perak dan emas+," tambahnya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia, termasuk yang memperolehi kemerdekaan pada masa yang sama dengan negara-negara Afrika di mana ketika ini mengalami kemajuan pesat, seharusnya menawarkan persahabatan ikhlas mereka kepada jiran-jiran dari Afrika.

Beliau berkata negara Asia boleh memahami masalah pembangunan di Afrika dengan lebih baik berbanding negara maju dan mereka juga boleh menjadi rakan pembantu (dalam membantu menyelesaikan masalah-masalah).

Dr Mahathir berkata, "sudah sampai masanya bagi Asia dengan pengalaman barunya, kekayaan, teknologi dan kemahiran yang ada untuk membantu negara-negara kurang maju lain. Inilah sebenarnya apa yang dikatakan sebagai kerjasama Selatan-Selatan."

Jika negara-negara Asia menjadi rakan tulen dalam pembangunan di Afrika dan bukan pengeksploitasi kekayaan dan peluang serta dalam masa yang sama boleh membantu Afrika dengan modal, kemahiran dan teknologi yang dimiliki, beliau berkata negara-negara Asia juga boleh mendapat manfaat daripada perdagangan dan peluang besar kekayaan di Afrika.

"Ia adalah hasil yang akan kita perolehi apabila kita melabur di Afrika. Ia adalah formula semuanya mendapat keuntungan di mana semua pihak mestilah bersetuju. Ia akan mewujudkan kitaran kemakmuran," katanya.

Dengan menekankan kepentingan kestabilan politik bagi aliran pelaburan langsung menyeberangi sempadan, Dr Mahathir berkata, "Tanpa jaminan kestabilan politik, pelabur-pelabur tidak akan datang untuk melabur."

Beliau menyatakan laporan media yang sering memperbesar-besarkan cerita mengenai negara-negara Asia dan Afrika telah menyulitkan lagi keadaan bagi kerajaan negara-negara terbabit.

"Bagaimanapun kebenaran masih lagi boleh diperolehi jika terdapat keamanan dan kestabilan, rakyat dan kerajaan mestilah sentiasa ingat bahawa idea perubahan dalam sesuatu kerajaan akan menyelesaikan semua masalah adalah suatu yang silap.

"Lebih daripada perubahan dalam Kerajaan diperlukan jika mahukan keamanan dan kestabilan dalam negara," katanya.

Dr Mahathir berkata Asia dan Afrika perlu mengenalpasti kelemahan mereka dan berusaha menanganinya agar mereka dapat menikmati keamanan dan kestabilan.

Forum selama empat hari itu mengumpulkan kira-kira 350 eksekutif perniagaan dari 28 negara Afrika dan Asia. Ia dianjurkan oleh unit khas Bangsa-Bangsa Bersatu bagi kerjasama teknikal di kalangan negara-negara membangun secara kerjasama dengan kerajaan Malaysia, Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) satu program yang memperkenalkan Afrika dan Malaysia South-South Cooperation Bhd (MASSCORP).

Forum itu mengadakan beberapa siri bengkel kerja dan klinik perniagaan yang dikendalikan oleh institusi kewangan antarabangsa, fasilitator penswastan serta pakar perundangan dan perakaunan.

--BERNAMA

AD ZK